KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	13.07.22	MUKA SURAT	:	3
JABATAN	:	JPSM			

Tragedi banjir di Baling

Penduduk di tanah rizab Sungai Kupang dipindah



Pejabat Daerah dan Tanah Baling sedang mengenal pasti bilangan rumah yang terjejas dalam tragedi 4 Julai lalu.

Kerajaan negeri turut bina semula rumah ganti bagi 30 keluarga layak

Oleh Noorazura Abdul Rahman
bhnews@bh.com.my

Alor Setar: Semua penduduk yang mendiami tanah rizab Sungai Kupang akan dipindahkan ke kawasan lebih selamat bagi mengelak tragedi banjir dan fenomena kepala air seperti yang berlaku pada 4 Julai lalu.

Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Muhammad Sanusi Md Nor, berkata ketika ini, Pejabat Daerah dan Tanah Baling sedang mengenal pasti bilangan rumah yang terbabit dan pelaksanaannya akan diumumkan kemudian.

Beliau berkata, kerajaan negeri juga akan membina semula rumah ganti bagi 30 keluarga yang layak di atas tanah Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA) di Kampung Sadek, Kupang dengan kos sekitar RM58,000 hingga RM60,000 sebuah.

"Selain itu, kerajaan negeri akan membayar sewa rumah sementara kepada penduduk yang rumah mereka musnah sepenuhnya dan yang rosak teruk, dengan kadar sewa RM400 sebulan dan RM100 sebulan untuk utiliti selama enam bulan.

"Bagi kediaman yang rosak, kerajaan negeri melantik anak syarikat berkaitan untuk melaksanakan kerja baik pulih," katanya kepada *BERNAMA*.

Muhammad Sanusi berkata, bancian sedang dilakukan oleh Pejabat Daerah dan Tanah Baling bagi mengenal pasti kesan banjir pada kediaman penduduk.

Selain itu, katanya, kesan sampingan bencana itu juga sedang dinilai oleh agensi dan jabatan berkaitan, yang seterusnya akan dilaporkan kepada kerajaan negeri untuk tindakan segera.

"Kerajaan negeri juga membantu menguruskan sejumlah 1,228 laporan polis oleh mangsa banjir untuk mendapatkan bantuan Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) dan menguruskan 17 keluarga yang masih berada di pusat pemindahan sementara (PPS) di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Jerai.

"Selain itu, kerajaan negeri turut membantu sekolah dan institusi awam yang terbabit seperti sekolah, surau dan dewan serta membaiki infrastruktur air masyarakat terjejas," katanya.

Beliau berkata, semua tindakan itu, termasuk inisiatif tambahan lain akan dibincangkan dalam mesyuarat EXCO kerajaan negeri, hari ini untuk kelulusan perbelanjaan.

Dalam pada itu, Muhammad Sanusi berkata, pihaknya masih menunggu laporan siasatan jabatan teknikal dalam mengenal pasti punca kejadian itu, termasuk berhubung projek pembangunan ladang hutan di Gunung Inas, yang dikaitkan dengan bencana itu.

Petugas khas banci mangsa

Sementara itu, Pegawai Daerah Baling, Mohd Shahadan Abdullah, berkata sebuah pasukan petugas khas ditubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah Baling untuk mendapatkan jumlah sebenar rumah yang terjejas dalam tragedi itu.

Beliau berkata, bancian membabitkan kakitangan Majlis Daerah Baling (MDB), Angkatan Pertahanan Awam (APM) dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dibuat berikutan peningkatan laporan polis daripada 802 kepada 1,228.

Katanya, bancian itu akan dikategori mengikut tahap kerosakan sesebuah rumah dan akan bermula hari ini serta dijangka selesai dalam tempoh dua hari.

Ketua Polis Daerah Baling, Superintendan Shamsudin Mamat, berkata pihaknya sentiasa memantau perkembangan di kawasan berisiko terutamanya di Lata Celak, Kampung Iboi, bagi memastikan penduduk dalam keadaan siap siaga susulan banjir 4 Julai lalu.

> "Kerajaan negeri akan membayar sewa rumah sementara kepada penduduk yang rumah mereka musnah sepenuhnya dan yang rosak teruk, dengan kadar sewa RM400 sebulan dan RM100 sebulan untuk utiliti selama enam bulan"
>
> ***Muhammad Sanusi Md Nor,*** *Menteri Besar Kedah*

